



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PROGRAM BAITI JANNATI @ WILAYAH
PERSEKUTUAN**

10 JULAI 2019 (RABU)

1.00 PETANG

**KOMPLEKS SUKAN PANTAI ECOPARK
LEMBAH PANTAI
WP KUALA LUMPUR**

SALUTATIONS (akan diselaraskan kemudian)

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadirat Allah SWT, atas kebesaran dan keagunganNya jua, maka kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada hari ini sempena **Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan**. Sesungguhnya, majlis pertemuan ini sungguh bermakna sekali, setelah satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk Pentadbiran Negara dan menandakan komitmen Kerajaan hari ini melipat gandakan usaha untuk rakyat.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

2. Setelah setahun mentadbir negara, Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa komited mendukung usaha Kerajaan dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh warga Wilayah Persekutuan termasuk isu kemiskinan bandar dan pemilikan rumah. Selaras dengan hasrat tersebut, Kementerian telah merangka beberapa program dan inisiatif melalui Program Kebajikan Wilayah Persekutuan bertemakan “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”. Di antaranya adalah program Residensi Wilayah yang mensasarkan penyediaan rumah mampu milik bagi golongan B40/M40 di Wilayah Persekutuan sebanyak 8,000 hingga 10,000 unit bagi tahun 2019, seterusnya Mini Terminal Sejahtera sebagai tempat pembelajaran warga PPR dan PA di Wilayah Persekutuan selain bantuan pembiayaan IPTA/IPTS kepada keluarga berpendapatan rendah.

3. Isu kemiskinan di bandar ditangani sebaik mungkin oleh Kementerian melalui kerjasama strategik bersama pelbagai agensi dan badan korporat melalui Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan. Program ini membolehkan rakyat yang kurang bernasib baik di Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dan mendiami rumah yang lebih selesa sebagai asas keharmonian sesebuah keluarga. Matlamat

utama program ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal, OKU, golongan asnaf dan fakir miskin di Wilayah Persekutuan.

4. Secara tidak langsung, program ini merupakan salah satu alternatif dalam usaha membasmi masalah kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan. Hak milik rumah di bawah program ini akan dipindahkan kepada penerima yang terpilih di kalangan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) sedia ada tanpa sebarang bayaran dengan syarat unit berkenaan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat.

Hadirin sekalian,

5. Program ini telah dilaksanakan mulai tahun 2016 dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL kepada 23 penerima yang beragama Islam sahaja memandangkan peruntukan yang digunakan adalah dari wang zakat TNB. Jadi kita tidak pernah hentikan perkara baik yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini. Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperluaskan program ini agar dapat diberi juga kepada orang bukan beragama Islam setelah sumber kewangan untuk program ini telah turut diperluaskan. Bagi tahun 2018, program ini telah diperluaskan di Labuan di mana sebanyak 10 keluarga di Wilayah Persekutuan Labuan menerima manfaat hasil peruntukan program Baiti Jannati berjumlah RM150,000 bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 peringkat Labuan.

6. Pada 27 Februari 2018, sebanyak 56 unit telah diserahkan kepada penerima unit rumah sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018. Yang terkini, sebanyak 42 unit telah diserahkan oleh YB. Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 27 Disember 2018 di PPR Kerinchi, Lembah Pantai.

7. Kementerian mensasarkan sebanyak 90 unit dapat diserahkan kepada penerima sepanjang tahun 2019 melalui kerjasama strategik dengan syarikat swasta yang mana seramai 60 penerima akan menerima unit masing-masing pada hari ini. Penerima unit rumah berkenaan melibatkan lapan (8) Parlimen iaitu 23 orang dari Parlimen Lembah Pantai, 14 orang dari Parlimen Bandar Tun Razak, 2 orang dari Parlimen Seputeh, 2 orang penerima dari Parlimen Cheras, 13 orang penerima dari Parlimen Batu, 3 orang penerima dari Parlimen Setiawangsa, 2 orang dari Parlimen Titiwangsa dan seorang penerima dari Parlimen Wangsa Maju.

8. Di samping pemberi milikan hakmilik rumah, unit rumah di PPR atau PA yang kosong akan dibaik pulih sebelum diserahkan kepada penerima. Bagi 60 unit yang akan diserahkan pada hari ini, pihak TNB telah membantu membiayai kos baik pulih bagi setiap unit rumah tersebut.

Hadirin sekalian,

9. Kerajaan tidak pernah jemu untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat dan menyediakan tempat tinggal yang kondusif sebagai tanda keprihatinan Kerajaan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak mampu direalisasikan tanpa kerjasama semua pihak. Selaras dengan Dasar Perumahan Negara, Kerajaan komited untuk menyediakan kediaman yang mencukupi sama ada untuk dibeli mahupun disewa.

10. Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Saya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pelbagai pihak yang sudi membantu warga PPR & PA ini melalui bantuan yang disalurkan. Semoga Allah memberkati dan merahmati usaha murni yang dibuat dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan Wilayah Persekutuan.

11. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan** dengan lafaz Bismillahir rahmaanir Rahim. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum wbt.